

Judul	Jisham dan Parayani johan perujian Tilawah UMS
Pengarang	Borneo Post
Akhbar	1 Mei 2008
Tarikh	Melayu
Bahasa	6
Mukasurat	



Jisham dan Parayani johan perujian Tilawah UMS

KOTA KINABALU: Amalan membaca kitab suci Al-Quran setiap hari adalah satu cara yang terbaik yang perlu dilakukan berterusan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Haji Sainudin Haji Tahir, berkata membaca sedikit demi sedikit boleh mendidik kita supaya sentiasa mendampingi kitab suci umat Islam itu.

Katanya, walaupun pembacaan berkenaan dilakukan secara individu namun penghayatan, pembiasaan serta aktiviti sedemikian juga boleh mendapat pahala daripada Allah.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan majlis

Perujian Tilawah Al-Quran peringkat Universiti Malaysia Sabah di Galeri UMS, baru-baru ini.

Dr Sanudin yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin memuji usaha KEKAUMAS melalui Exco Agama dan Salsiah Islam yang diketuai Binik Majuril kerana berjaya melaksanakan majlis berkenaan dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid UMS.

Sementara itu, Presiden KEKAUMAS merangkap pengerusi penganjur, Amat Jutrah Haji Musnih mencadangkan agar perujian Al-Quran diadakan di peringkat IPTA Borneo dan IPTA Malaysia bagi membolehkan peserta qari

dan qariah yang berjaya dapat mengharungi peringkat demi peringkat sehingga mendapat kejayaan yang lebih cemerlang.

Johan qari telah disandang oleh Jisham Salani dari Unit Masjid, naib johan, Barawit Piling dari Jabatan Penyelenggaraan dan Pembangunan dan ketiga, kakitangan Jabatan Bendahari, Airol Mahrib.

Kakitangan Bahagian Akademik, Parayani Abdullah muncul johan kategori qariah diikuti Mariana Ramli dari Sekolah Sains Teknologi (SST) dan Roziah Awang dari Bahagian Akademik.

Majlis perujian itu disertai oleh sepuluh orang peserta qari dan empat orang qariah.



Para peserta qari dan qariah bergambar bersama pegawai, para hakim dan ahli jawatankuasa selepas perujian Al Quran peringkat UMS tahun 2008.